




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA: 24 OKTOBER 2017**



## **KANDUNGAN**


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 56)**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO. 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan apakah usaha komprehensif Kementerian  
untuk menjaga hak dan kebajikan anak-anak gelandangan yang terbiar.**

3

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua kanak-kanak di Malaysia tanpa mengira latar belakang mempunyai hak kepada semua akses perkhidmatan, perlindungan dan kebajikan sebagai mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] yang selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/*Convention on the Rights of the Child* (CRC). Anak-anak gelandangan juga merupakan kanak-kanak sebagai mana yang ditakrifkan oleh Seksyen 2 Akta 611 iaitu semua individu di bawah umur 18 tahun. Hak-hak yang diperuntukkan tersebut adalah termasuk:

- i. Hak kepada pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 Akta 611 yang merujuk kepada kanak-kanak yang telah dcederakan dari segi fizikal, emosi dan seksual serta kanak-kanak yang mana ibu bapanya tidak layak atau telah mengabaikannya atau kanak-kanak tersebut tidak mempunyai ibu bapa/penjaga atau telah dibuang;

- ii. Hak kepada pendidikan di bawah Artikel 28 CRC dan sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 29A Akta Pendidikan 1996 di mana semua ibu bapa warganegara Malaysia yang tinggal di negara ini diwajibkan untuk memastikan anak-anak didaftarkan untuk mendapat pendidikan rendah; dan
  
- iii. Hak kepada kesihatan di bawah Artikel 24 di mana Negara Pihak perlu menyediakan rawatan kesihatan yang utama melalui pencegahan, pendidikan kesihatan awam dan pengurangan kadar kematian bayi.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bermula 2011 sehingga kini seramai 197 orang kanak-kanak telah ditempatkan sementara secara sukarela bersama keluarga di lima buah Anjung Singgah seluruh negara untuk menerima intervensi awal seperti makan minum, keperluan asas, penempatan rumah perlindungan dan lain-lain bantuan yang bersesuaian serta pulang ke pangkuan keluarga. Pada masa kini, tiada kanak-kanak ditempatkan di Anjung Singgah setelah intervensi dilaksanakan.

5

Berdasarkan statistik operasi berjadual bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), hanya melibatkan <sup>1</sup>136 orang kanak-kanak yang diselamatkan. Manakala operasi berjadual dari tahun 2014 hingga Jun 2017 yang melibatkan aktiviti pengemisan melibatkan kanak-kanak, seramai <sup>2</sup>714 orang kanak-kanak (313 orang warganegara, 401 bukan warganegara) telah diselamatkan.

Manakala statistik kanak-kanak yang bersekolah di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) iaitu sekolah yang dibangunkan untuk kanak-kanak jalanan mencatatkan jumlah sebanyak <sup>3</sup> 415 orang dari tahun 2015 hingga Jun 2017. Walaupun statistik ini menunjukkan peratusan yang sangat kecil (0.012%) berbanding populasi kanak-kanak di Malaysia (<sup>4</sup> 9.5 juta orang kanak-kanak), namun Kerajaan tidak memandang ringan terhadap hak dan kebajikan mereka kerana setiap kanak-kanak adalah permata dan perlu digilap untuk mengembangkan potensi mereka.

---

<sup>1</sup> Maklum Balas Mesyuarat Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan Bil 1/2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat

<sup>2</sup> Kes Orang Papa Mengikut Jantina Dan Kumpulan Umur Bagi Warganegara Dan Bukan Warganegara, 2014 – Jun 2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat

<sup>3</sup> Status Murid SBJK sehingga Jun 2017, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih.

<sup>4</sup> Populasi Kanak-Kanak di Malaysia, 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia



Kerajaan melalui KPWKM, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pelbagai agensi lain mengambil langkah-langkah yang berikut bagi memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak gelandangan terbela, antaranya adalah:

### **1. Penubuhan Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan**

Sekretariat ini memainkan peranan dalam menyelaras semua operasi/aktiviti/bantuan berkaitan pengemisan dan gelandangan.

- |   |   |
|---|---|
| i. Perumahan                                | : Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT); |
| ii. Kebajikan                               | : Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);                                       |
| iii. Pekerjaan                              | : Kementerian Sumber Manusia (KSM);   |
| iv. Kesihatan                               | : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan                                 |
| v. Penguatkuasaan & Dokumen Pengenalan Diri | : Kementerian Dalam Negeri (KDN);   |

7

Selain itu, satu Pelan Tindakan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan juga sedang dirangka dan dijangka akan diterbitkan dalam masa terdekat.

## **2. Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)**

Penubuhan SBJK adalah inisiatif KPM terhadap keperluan meneruskan usaha memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur yang merupakan salah satu kumpulan kanak-kanak terpinggir di negara ini.

Objektif utama penubuhan SBJK ialah:

- i. Menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir;
- ii. Mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan penduduk Malaysia;
- iii. Memberi peluang membentuk laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir; dan

- 8
- iv. Membina insan yang berilmu, berkemahiran dan boleh berdikari.

Dengan usaha-usaha ini, diharapkan hak dan kebajikan kanak-kanak anak-anak gelandangan terpelihara.

9

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU  
ANAK BADAK [LUBOK ANTU]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 9**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apa sudah terjadi kepada pelaksanaan menaik taraf Jalan Balak Ulu Lemanak yang telah diluluskan tetapi tidak menampakkan ia dilaksanakan hingga sekarang.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Bekas Jalan-Jalan Balak di Negeri Sarawak (Fasa 4): Bahagian Sri Aman yang melibatkan jajaran di kawasan Sebeliau Uyau, Ulu Lemanak telah siap direkabentuk oleh kontraktor yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia secara rundingan terus. Proses rundingan harga akan dilaksanakan pada bulan November 2017 dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan kepada kontraktor selewat-lewatnya pada bulan Januari 2018.

**SOALAN NO: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]  
TARIKH : 24 OKTOBER 2017  
SOALAN : 10**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- a) bilangan pesakit yang mendapat rawatan di Poliklinik Oya, Poliklinik Lanang dan Poliklinik Sibujaya pada tahun 2016 dan 2017.
- b) Apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan masa menunggu bagi setiap pesakit terutamanya masa menunggu semasa pengambilan ubat di Farmasi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sejumlah 16 fasiliti kesihatan primer (6 buah Klinik Kesihatan, 1 buah Klinik Desa dan 9 buah Klinik 1Malaysia) terletak di Bahagian Sibujaya yang meliputi Daerah Kanowit, Selangau dan Sibujaya.

Jumlah klien yang telah mendapatkan perkhidmatan rawatan dan kesihatan di Klinik Kesihatan Oya, Klinik Kesihatan Lanang dan Klinik

Kesihatan Sibujaya pada tahun 2016 adalah seramai 465,900 orang dan seramai 328,400 orang klien sehingga Jun 2017. Pada tahun 2016, daripada jumlah tersebut, 182,931 klien mendapatkan perkhidmatan di Klinik Kesihatan Oya, 244,965 klien di Klinik Kesihatan Lanang dan 38,004 klien di Klinik Kesihatan Sibujaya. Manakala sehingga Jun 2017, 129,848 klien mendapatkan perkhidmatan Klinik Kesihatan Oya, 149,821 klien di Klinik Kesihatan Lanang dan 48,731 klien di Klinik Kesihatan Sibujaya.

Bagi mengatasi masa menunggu pesakit lama untuk mendapatkan ubat, berikut adalah di antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak Farmasi untuk mengurangkan masa menunggu semasa pengambilan ubat di Farmasi :-

**i. Perkhidmatan Pendispensan Secara Temujanji**

Pesakit dengan preskripsi ulangan boleh mendapatkan perkhidmatan Pendispensan Secara Temujanji di mana ubat-ubatan akan disediakan terlebih dahulu sebelum tarikh pengambilan bagi mempercepatkan proses pendispensan di kaunter

**ii. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M).**

Beberapa hospital dan klinik kesihatan ada menawarkan penghantaran ubat bagi preskripsi ulangan terus kepada pesakit di rumah atau di pejabat atau di alamat yang dikehendaki melalui Pos Laju dengan kos penghantaran ditanggung oleh pelanggan. Caj penghantaran yang dikenakan oleh Pos Laju adalah di antara RM5.30 sehingga RM6.40 bagi penghantaran dalam negeri Sarawak dan Sabah manakala di

antara RM8.48 hingga RM10.60 bagi penghantaran dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia atau sebaliknya.

**iii. Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS).**

Semua Farmasi hospital dan klinik kesihatan dalam Bandaraya Kuching, Bandar Sibul dan Bandaraya Miri ada memberikan perkhidmatan kepada pesakit untuk pengambilan ubatan ulangan di kaunter farmasi Klinik Kesihatan Malaysia UTC Kuching, Sibul dan Miri ( 8 pagi-9 malam setiap hari kecuali Cuti Umum) juga di beberapa Klinik 1Malaysia seperti K1M Taman Malihah, Kuching, K1M Taman Rejang Sibul, K1M Farley Sibul, K1M Bandong Sibul dan K1M Taman Tunku Miri.

Para pesakit atau ahli keluarga hanya perlu berbincang dan mendaftar dengan Pegawai Farmasi di klinik kesihatan atau hospital di mana mereka mendapatkan rawatan untuk proses penghantaran ubatan preskripsi susulan melalui perkhidmatan yang bersesuaian.

13

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR

TARIKH: 24 OKTOBER 2017

SOALAN:

**Dato' Abd Aziz bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pengangguran dalam negara yang terkini dan sejauh manakah program transformasi negara (NTP) yang telah menyediakan hampir 2 juta peluang pekerjaan dapat menampung isu pengangguran yang masih berlaku dalam negara serta nyatakan pecahan sektor 2 juta peluang pekerjaan yang dinyatakan ini.

PR-1353-L03744



## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran rakyat Malaysia adalah sebanyak 3.4 peratus iaitu seramai 511,600 orang. Berdasarkan kepada rekod Portal *JobsMalaysia* sehingga 11 Oktober 2017, sebanyak 223,167 peluang pekerjaan telah didaftarkan oleh pihak majikan. Sektor pembuatan menawarkan peluang pekerjaan yang tertinggi iaitu sebanyak 111,242, diikuti dengan sektor pertanian sebanyak 35,356 kekosongan, sektor pembinaan sebanyak 29,973 kekosongan dan diikuti oleh sektor-sektor lain iaitu perkhidmatan, perhotelan dan pentadbiran.

2. Manakala, sehingga bulan September 2017, Pencari Kerja Aktif yang berdaftar adalah seramai 270,330 orang. Daripada jumlah ini, seramai 187,551 orang adalah daripada golongan siswazah dan 82,779 orang adalah daripada golongan bukan siswazah. Seramai 155,028 orang pencari kerja yang terdiri daripada 48,360 orang siswazah dan 106,668 orang bukan siswazah berjaya di tempatkan di pelbagai sektor pekerjaan.

3. Kerajaan telah merangka Program Transformasi Negara (NTP) yang dibangunkan pada tahun 2010. Objektif NTP adalah untuk

15

mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 secara menyeluruh dan mampan dengan ditambah Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Dalam hubungan ini, SRI Pembangunan Modal Insan (HCD) yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia, di mana peranannya merentasi semua NKEA di bawah Program Transformasi Ekonomi. Matlamat teras SRI HCD adalah penting ke arah meningkatkan kualiti tenaga kerja Malaysia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara yang sedang bergerak ke arah status negara berpendapatan tinggi.

4. Kesimpulannya, melalui pembangunan NTP ini Kerajaan kekal positif bahawa asas kukuh yang telah dibina menerusi SRI Pembangunan Modal Insan akan memupuk suatu landskap yang kondusif yang mampu menyemarakkan kemampuan tenaga kerja tempatan.

**SOALAN NO. : 12**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kes kemalangan yang melibatkan spesies hidupan liar terancam di Lebuhraya Gerik-Jeli dari tahun 2007 sehingga terkini. Adakah Kerajaan menggunakan teknologi terkini seperti 'GPS Collar' dan 'Conservation Aerial Drone' dalam usaha memantau pergerakan hidupan liar di sepanjang lebuhraya ini.

17

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mengambil berat ke atas kemalangan yang membabitkan kenderaan dan hidupan liar di lebuhraya atau jalan raya. Dari tahun 2007 sehingga Ogos 2017, sebanyak 71 kes kemalangan yang melibatkan pelbagai spesies hidupan liar terancam telah direkodkan di Lebuhraya Gerik-Jeli. Antara spesies tertinggi yang dilanggar di Lebuhraya Gerik-Jeli adalah biawak (20), babi hutan (11), kera (10), binturong (6), gajah (4) dan satu kes melibatkan tapir (1).

Bagi mengatasi kes kemalangan yang melibatkan spesies hidupan liar ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menggunakan teknologi terkini seperti 'GPS Collar' dalam usaha memantau pergerakan hidupan liar di sepanjang lebuhraya ini. Sejak tahun 2012 sebanyak 19 ekor gajah telah dipasangkan kolar satelit. Namun begitu, Penggunaan 'Conservation Aerial Drone' untuk memantau pergerakan hidupan liar di sepanjang lebuhraya adalah tidak sesuai kerana keadaan hutan tropika di Malaysia yang tebal. Hasil pemantauan terhadap individu yang dipasangkan kolar mendapati, kawasan keliaran bagi gajah-gajah ini adalah disekitar 2 km di kiri kanan lebuhraya. Faktor utama yang menjadi tarikan gajah berada di tepi lebuhraya adalah sumber makanan daripada tumbuhan dan rumput yang terdapat di tepi lebuhraya. Kemungkinan untuk gajah bergerak menyeberangi lebuhraya adalah tinggi terutamanya pada waktu malam. Rekod Jabatan PERHILITAN juga menunjukkan bahawa hampir

90% kes kemalangan yang melibatkan hidupan liar berlaku pada waktu malam.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ingin menyeru kepada pengguna jalan raya agar berhati-hati semasa memandu terutama di kawasan habitat hidupan liar seperti di Lebuhraya Grik-Jeli. Para pemandu diingatkan supaya memberikan perhatian kepada papan tanda "Kawasan Lintasan Hidupan Liar", terutamanya pada waktu senja, subuh, malam dan keadaan penglihatan yang rendah seperti kabus, mendung atau hujan. Ini akan dapat membantu mengurangkan insiden 'road kill' hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**  
**[TANAH MERAH]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2017**  
**SOALAN : 13**

**YB Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan bagi memastikan wabak 'super malaria' yang kini dikesan telah merebak di Kemboja dan Vietnam tidak sampai ke negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai makluman, isu wabak 'super malaria' yang dimaksudkan adalah merujuk kepada spesis parasit malaria yang bermutasi dan menjadi rintang (*resistance*) terhadap ubat anti-malaria. Parasit ini telah menjadi parasit yang dominan di kawasan "*Greater Mekong*" yang melibatkan kawasan sempadan negara-negara seperti Kambodia, Thailand, Laos dan Vietnam. Antara faktor yang menjadi punca mutasi parasit adalah kerana pemberian rawatan anti-malaria yang tidak lengkap serta dosej yang tidak mencukupi dan penggunaan jenis ubat anti-malaria yang sub-standard (berkualiti rendah).

Bagi memastikan wabak 'super malaria' yang berlaku di kawasan 'Greater Mekong' tidak merebak ke Malaysia, beberapa tindakan yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan seperti berikut:

1. Bagi warga asing yang datang dari Kemboja dan Vietnam untuk bekerja di Malaysia atau rakyat Malaysia yang bekerja di negara tersebut dan kembali ke negara ini, saringan ujian darah akan dilakukan terhadap mereka. Saringan penyakit malaria juga termasuk didalam prosedur pemeriksaan pekerja warga asing oleh FOMEMA.
2. Bagi mengekang penularan penyakit malaria, peraturan di bawah *International Health Regulation 2005* oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dilaksanakan di semua pintu masuk udara dan laut. Ini termasuk saringan individu yang masuk ke Malaysia dan bagi individu yang sakit mereka tidak dibenarkan untuk melawat negara ini, sehingga mereka bebas dari penyakit berjangkit.
3. Bagi pesawat dan kapal laut yang tiba dipintu masuk akan dilakukan *disinsection* sebelum mendarat di negara ini, mengikut peraturan IHR 2005.
4. Bagi warga asing yang datang dari Kemboja atau Vietnam atau rakyat Malaysia yang baru pulang dari negara berkenaan dan mempunyai gejala malaria akan di masukkan ke hospital serta diberi rawatan yang bersesuaian dan lengkap. Pesakit ini juga akan dibuat

pemeriksaan susulan setiap bulan selama 6 bulan atau setahun, mengikut spesis parasit.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan "*Management Guidelines Of Malaria In Malaysia*" pada tahun 2013 sebagai rujukan terkini bagi pengamal perubatan dalam merawat pesakit malaria di Malaysia. Ini bagi memastikan setiap pesakit malaria di Malaysia diberi rawatan mengikut dosej yang betul dengan regim rawatan yang lengkap.

Di samping itu, KKM juga melaksanakan program surveilan khusus iaitu '*Malaria Drug Response Surveillance (DRS)*' bagi memantau keberkesanan dan kerintangan ubat anti-malaria. Ianya merupakan program surveilan yang komprehensif melibatkan semua hospital diseluruh negara. Pemantauan semasa menunjukkan bahawa ubat anti-malaria yang digunakan di Malaysia adalah berkesan dan efektif bagi rawatan malaria.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kebangsaan pula memastikan setiap ubatan termasuk ubat anti-malaria yang didaftarkan di Malaysia melalui prosedur pendaftaran yang ketat. Ini bagi memastikan hanya ubat yang berkualiti didaftarkan untuk digunakan dalam pasaran Malaysia.

KKM juga mengeluarkan "*Guidelines for Prevention of Malaria Re-introduction*" bagi mengenalpasti kawasan berisiko malaria dan menggariskan aktiviti intervensi yang perlu dilaksanakan bagi mengekang kemasukan semula jangkitan malaria termasuk mencegah perebakan parasit "super malaria".